

**[KEPALA SURAT SYARIKAT XXX]**

**SURAT AKUJANJI DAN MENANGGUNG RUGI**

Tarikh:

Rujukan:

Kepada:

**Perbadanan Aset Keretapi**

Tingkat 16, IOI City Tower  
Lebuh IRC, IOI Resort City 2  
62502 Putrajaya Sepang  
Selangor Darul Ehsan

**AKUJANJI DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN TERHADAP**  
**.....(tajuk).....**

---

1) Kami, .....(nama syarikat).....(No. Syarikat: ), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang mempunyai alamat berdaftar dan alamat perniagaan di .....(selepas ini dirujuk sebagai **XXX**) sesungguhnya bersetuju dan berakuanji dengan Perbadanan Aset Keretapi sebuah badan berkanun persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 [Akta 463] dan beralamat di Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuh IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya Sepang, Selangor Darul Ehsan (selepas ini di rujuk sebagai **RAC**) seperti berikut:

(i) .....(Kenyataan/fakta berhubung perkara yang dibangkitkan);

(ii) Sehubungan dengan itu, sebagai balasan ke atas persetujuan RAC ke atas.....(rujukan kepada item 1 (i) di atas)....., maka **XXX** dengan ini berakuanji sepertimana berikut:

(a) .....;

(b) .....; dan

(c) .....

(iii) **XXX** dengan ini berakujanji akan bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggung rugi RAC akibat daripada tanggungan, liabiliti, tindakan, prosiding, saman, penghakiman, perintah, tuntutan, permintaan, kos, gantirugi dan perbelanjaan yang disabitkan terhadap RAC oleh mana-mana individu, pihak berkuasa atau pihak ketiga yang dibuat di dalam atau di luar Mahkamah akibat ..... akan menanggung apa-apa kerugian atau perbelanjaan termasuk kos dan yuran guaman RAC dalam menguatkuaskan akujanji ini dan tindakan perundangan di Mahkamah; dan

(iv) **XXX** dengan ini bersetuju dan berakujanji untuk menanggung segala kerugian yang dialami oleh RAC terhadap sebarang kemalangan yang melibatkan kecederaan dan/atau kematian mana-mana individu atau kemungkinan yang berlaku akibat ..... dan/atau disebabkan keingkaran atau kecuian pihak **XXX** atau pekerja, ejen atau pemegang lesen dalam mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh RAC, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak berkuasa dan lain-lain agensi yang berkaitan.

- 2) **XXX** dengan ini mengesahkan bahawa akujanji ini telah ditandatangani oleh pihak yang diberikuasa oleh **XXX** secara sukarela tanpa apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan menyedari serta memahami sepenuhnya implikasi daripada akujanji ini;
- 3) **XXX** akan menanggung bayaran setem duti bagi akujanji ini;
- 4) Klausula-klausula di dalam akujanji ini adalah berasingan dan berbeza di antara satu sama lain dan pada bila-bila masa sekiranya terdapat salah satu atau lebih daripada klausula-klausula tersebut menjadi tidak sah dari segi undang-undang, maka ketidaksahan tersebut tidak akan sama sekali memberi kesan kepada klausula-klausula yang lain;
- 5) Akujanji ini hendaklah mengikat pewaris, ejen, wasi pentadbir yang dilantik oleh pihak **XXX**;
- 6) Akujanji ini hendaklah di tadbir dan ditentukan serta ditafsirkan menurut undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- 7) Akujanji ini hendaklah terus berkuatkuasa dan mengikat pihak **XXX** sehingga/selagi mana .....; dan

- 8) **XXX** sesungguhnya sedar dan faham bahawa sekiranya **XXX** didapati melanggar syarat-syarat Akujanji ini, maka RAC berhak untuk mengenakan tindakan (termasuk tindakan undang-undang) ke atas **XXX**.

Ditandatangani oleh/bagi pihak **XXX**:

.....

**Nama:**

**Jawatan:**

**No Kad Pengenalan:**

**Tarikh:**

Disaksikan oleh:

.....

**Nama:**

**Jawatan:**

**No. Kad Pengenalan**

**Tarikh:**